

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99**

Ogos / September 1998

PPG 331- Pentadbiran Am Sekolah

Masa: [2 Jam]

**Pilih dan jawab EMPAT (4) Soalan sahaja
Setiap soalan membawa markah yang sama.**

1. Pengurusan kurikulum dilaksanakan melalui Jawatankuasa Kurikulum Sekolah. Jelaskan peranan dan fungsi Jawatankuasa tersebut serta hubungannya dengan Panitia Mata pelajaran. [25 markah]

2. Huraikan TIGA (3) daripada tugas-tugas pentadbiran pengetua yang perlu diutamakan, dan mengapakah anda berpendapat demikian. [25 markah]

3. Salah satu daripada tanggungjawab Pengetua ialah menguruskan tatatertib kakitangannya. Apakah yang dimaksudkan dengan tindakan tatatertib dan jelaskan cara-cara sesuatu tindakan tatatertib itu diambil. [25 markah]

4. Setiap sekolah mempunyai sumber kewangannya sendiri. Bagaimanakah fand sekolah diperolehi, dan huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan perbelanjaan sekolah diuruskan dengan teratur. [25 markah]

5. Apakah peranan dan fungsi Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sesebuah sekolah. Bagaimanakah PIBG dapat melaksanakan peranan dan fungsi tersebut supaya tidak mengganggu pentadbiran disekolah. [25 markah]

...2/-

6. Tatasusila Profesyen Perguruan adalah penting kepada setiap pendidik. Apakah ciri-ciri utama tatasusila tersebut dan bagaimanakah ianya dapat dihayati dan diamalkan dengan berkesan.

[25 markah]

-0000000 -